

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# B40, M40 DAN T20: RELEVANKAH KINI?

Berbicara terhadap pengagihan pendapatan adalah topik yang hangat. Ideologi asas kapitalis dicipta dan di pelopori oleh Adam Smith pada tahun 1776. Dan doktrin komunisme diperkenalkan oleh Karl Marx pada 1848. Apakah kaitan dengan kehidupan kita?

Asasnya, tentulah pengagihan pendapatan. Kapitalisme menjurus kepada kecekapan, keuntungan dan persaingan tetapi dengan pengorbanan jurang kekayaan masyarakat yang kaya semakin kaya dan miskin semakin miskin. Manakala komunisme adalah lebih ekstrem di mana asasnya adalah sama rata dan kekayaan dikongsi bersama. Tetapi dengan kehilangan kebebasan dan lebih teruk penindasan oleh pihak berkuasa. Oleh hal demikian, bagaimanakah realiti kita sekarang.

B40, M40 dan T20 adalah cuma pengagihan kelompok masyarakat mengikut pada julat pendapatan. Idea ini dipelopori oleh kerajaan terdahulu menerusi (Economic Transformation Programme) ETP pada 21 September 2010 menerusi PEMANDU (Performance Management and Delivery Unit). Ia sangat mudah di mana isi rumah yang punyai pendapatan antara RM 0 - RM 4,849 (B40), RM 4,850 – RM 10,959 (M40) dan lebih RM 10,960 (T20). Isu ini panas terutama isu penarikan subsidi sekali gus dan akan memperkenalkan subsidi bersasar menjelang akhir tahun 2023. Ada pula pernyataan media menyatakan B40 telah menjadi B70. Di manakah relevan pernyataan ini. Adakah cuma berdasar hipotesis semata mata?

Untuk menjawab persoalan ini, pertama kita perlu memahami konteks pengagihan masyarakat di Malaysia pada tahun 2010. Secara ringkasnya ia bertujuan untuk mencekapkan lagi pembangunan negara untuk menjadi negara maju dengan setiap kelas ada fungsi tertentu. Dan pihak kerajaan mudah membina polisi yang bersesuaian. Contohnya B40 memerlukan bantuan kewangan yang lebih dan subsidi yang lebih di mana golongan ini mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi untuk hidup. Manakala, M40 pula polisi pelepasan cukai adalah fokus utama. Dan T20 pula menjurus kepada kemudahan pelaburan dan kestabilan ekonomi untuk mencipta wang adalah objektif utama. Bagaimanakah kini?

Sejak wabak COVID19 bermula pada Mac 2020, ramai rakyat telah terjerumus kepada kelas yang lebih bawah. Usah berbicara terhadap statistik B40, B70 atau sebagainya. Jika kita tidak faham fungsi struktur masyarakat. Perlu di ingat, setiap masyarakat ada fungsi tertentu! Dan semuanya penting dalam negara.

*Mohd Azlan Abdul  
Majid dan Afizan  
Amer*

*Fakulti Pengurusan dan  
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau*



Gambar Sumber: *Majalah Labur*

semata mata.

Sebenarnya. Mengikuti Warren Buffet iaitu bilionair kelima terkaya di dunia yang memiliki kekayaan sebanyak USD 116.7 billion USD pada 2023 menyatakan kelas masyarakat cuma ada dua sahaja. 2% iaitu yang punyai memiliki sumber ekonomi dan “raja” dalam ekonomi dan 98% yang lain iaitu pekerja. Tak kisah lah anda, B40, M40 ataupun T20. Jika anda pemilik kepada sumber seperti buruh, tanah, modal ataupun usahawan. Anda berada dalam kategori ini. Manakala yang selebihnya adalah pekerja.

Negara kita yang kita cintai punyai masalah yang lebih parah daripada ekonomi. Ia dipanggil mentaliti. Berharapkan bantuan, mengundi semata mata. Kecoh sekampung dan ada juga bermusuhan di sebabkan politik. Pengarang berduka melihat dan mendengar permasalahan ini di media sosial.

Majukanlah mentaliti kita. Menjadi masyarakat berilmu. B40, M40 dan T20 cuma pengelasan pendapatan. Bukan keupayaan seseorang. Michael Porter pada 1980 menerusi ideanya (competitive advantage) kelebihan daya saing ada berbicara terhadap ini. Beliau menyatakan sesebuah negara maju bukanlah sebab punyai tanah, duit atau sebagainya. Tetapi ia disebabkan oleh masyarakat yang berilmu dan berdaya saing. Masyarakat pula berdaya saing disebabkan oleh dimainkan oleh individu yang berdaya saing. Ayuh negara, memahami konsep Madani. Dan paculah kemajuan daripada kebolehan individu dan diri sendiri.

B40, M40 dan T20. Relevankah? Jawapannya. Sudah tentu. Ia cuma alat pengukuran ekonomi untuk membina dasar. Pengagihan sumber subsidi dan cukai. Yang lebih penting. Menjadi masyarakat maju sudut mentaliti.

Seperti di Amerika Syarikat. Mereka juga ada falsafah yang di panggil (Middle Class) ataupun masyarakat pertengahan. Tujuannya sangat mudah. Politik. Di mana pembuat dasar memperjuangkan rakyat dengan kononnya menjadi hero kepada rakyat. Lebih teruk masyarakat pertengahan di Amerika Syarikat tergolong semua kelas yakni B40, M40 dan T20. Apa bezanya dengan negara kita?

Jawapannya juga sangat mudah. Masyarakat pertengahan, B40, M40 dan T20 adalah alat yang digunakan oleh kerajaan untuk mengagihkan masyarakat supaya kerajaan dapat membina polisi dan dasar yang lebih bersesuaian supaya mempercepatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan. Bukannya alat politik